



Proses Penggeledahan dalam Kes Jenayah Syariah: Analisis Kebolehterimaan Keterangan Dokumen Elektronik

Undang-Undang Keterangan

Searching Process in the Syariah Criminal Cases: Analysis the Admissibility of Electronic Document Evidence

153

Submitted: 3 Ogos 2022
Revised: 29 September 2022
Accepted: 31 October 2022
E-Published: 31 October 2022

MOHAMAD AZHAN YAHYA
(Corresponding Author)
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor.
azhan@ukm.edu.my

AHMAD AZAM MOHD SHARIFF
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor.
aazam@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pegawai penguatkuasa agama menggeledah dan menyita dokumen elektronik untuk dikemukakan sebagai pembuktian semasa perbicaraan kes jenayah syariah. Kedua-dua proses ini perlu memenuhi prinsip rantai keterangan dan rantai jagaan untuk menyokong kebolehterimaannya sebagai keterangan di mahkamah. Penulisan ini akan membincangkan proses penggeledahan dan penyitaan di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Seterusnya penulisan ini menganalisis permasalahan yang ada dalam kedua-dua proses tersebut untuk menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik dalam kes jenayah syariah. Penulisan ini turut akan mencadangkan penyelesaian ke atas permasalahan terbabit. Penulisan ini merupakan sebuah kajian perundangan tulen serta menggunakan kaedah kajian kualitatif. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul data berkaitan dengan proses penggeledahan dan penyitaan kes jenayah syariah. Kaedah temubual ke atas pegawai penguatkuasa agama digunakan untuk menyokong dapatan penulisan ini. Penulisan ini mendapati ketiadaan garis panduan dalam mengendalikan penggeledahan dan penyitaan yang membabitkan dokumen elektronik menyebabkan integriti dokumen elektronik tersebut boleh dicabar dan ini menjejaskan kebolehterimaannya sebagai keterangan. Akhirnya penulisan ini mencadangkan agar satu prosedur operasi standard dibina untuk membantu pegawai penguatkuasa agama menjalankan tugas penggeledahan dan penyitaan dokumen elektronik serta mampu menyokong kebolehterimaan





keterangan dokumen elektronik tersebut semasa dikemukakan dalam perbicaraan kelak.

Kata kunci: Penggeledahan, Penyitaan, Keterangan Dokumen Elektronik, Kes Jenayah Syariah, Kebolehterimaan.

ABSTRACT

Religious enforcement officers searched and confiscated the electronic documents to be presented as evidence during the trial of the Syariah criminal cases. Both processes have to fulfil the principle of chain of evidence and chain of custody to support the admissibility as evidence in the court. This paper will discuss the process of searching and seizing under the Syariah Criminal Procedure Enactment. Then this paper analyzed the problems that exist for the both processes to support the admissibility electronic document evidence in the Syariah criminal cases. This paper also suggests the solution for that problem involved. This study is a pure legal study that uses qualitative research methods. Library research method is used to collect data that related to the process of search and seizure in the Syariah criminal cases. Interview method with the official enforcement of religion used to support the findings of this study. This study found that there are no guidelines in handling search and seizure that involve electronic documents that cause the integrity of the electronic documents can be challenging and affect the admissibility of the evidence. Finally, this paper suggests the standard operating procedure be established to assist religious enforcement officers searching and seizing electronic documents and able to support the admissibility of the electronic document evidence during next trial.

Keywords: Search, Seizure, Electronic Document Evidence, Syariah Criminal Cases, The Admissibility

PENGENALAN

Pembuktian yang kukuh perlu dikemukakan kepada mahkamah agar pihak-pihak bertikai dapat meyakinkan mahkamah dengan mengemukakan keterangan-keterangan yang relevan serta diterima sebagai pembuktian oleh mahkamah untuk membuat keputusan yang adil sebagaimana dinyatakan dalam surah *al Maidah*, ayat 8 yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Al Maidah,5:8)



Teori keadilan turut ditekankan oleh Islam sebagaimana dalam surah *al Baqarah* ayat 143:

Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia.

(Al Baqarah, 2:143)

Teori keadilan turut disentuh dalam *al Sunnah* seperti yang disebut oleh Nabi mafhumnya (Azam 2012):

Sesungguhnya aku adalah manusia, dan sesungguhnya kamu yang bertikai di hadapanku, boleh jadi sebahagian dari kamu lebih pintar berhujah daripada yang satu lagi, lalu aku membuat keputusan bagi pihaknya berdasarkan apa yang aku dengar.

Berdasarkan ayat *al Quran* dan sunnah Nabi tersebut dapat dijelaskan bahawa Islam memerintah kita agar menegakkan keadilan. Dalam konteks kajian ini, penggeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik dalam kes-kes syariah bertujuan memastikan keterangan dokumen elektronik yang dikemukakan adalah relevan serta boleh diterima sebagai pembuktian semasa perbicaraan. Ia juga bertujuan mengelakkan keterangan dokumen elektronik yang meragukan diterima di mahkamah. Untuk itu, penggeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik perlu menitik beratkan faktor rangkaian jagaan serta rangkaian keterangan agar keterangan dokumen elektronik ini bebas daripada keraguan serta boleh digunakan dalam membuat keputusan yang adil.

Untuk itu, segala bentuk proses penggeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik dalam kes-kes syariah juga adalah amat penting kerana sebarang kesilapan semasa mengumpul dan mengemukakan keterangan dokumen elektronik ini boleh menyebabkan keterangan tersebut tidak boleh diterima di mahkamah. Justeru itu, perkara ini perlu dielakkan dengan mewujudkan mekanisme penggeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik yang jelas, teratur dan baik. Untuk tujuan tersebut, setiap penggeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik perlulah menepati prinsip rangkaian keterangan dan rangkaian jagaan. Dengan ini, penulisan ini menghujahkan bahawa kepentingan mewujudkan prosedur operasi standard untuk penggeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik adalah menepati konsep *ijtihad* yang mengambil kira kepentingan umum.



Prinsip Rantain Keterangan Dan Rantain Jagaan

Keterangan dokumen elektronik yang hendak dikemukakan hendaklah tidak perlu diganggu atau terputus rantain jagaannya. Ini bertujuan untuk menjaga ketelusan dan kredibiliti keterangan dokumen elektronik tersebut. Kredibiliti keterangan perlu dijaga kerana hanya keterangan yang terbaik sahaja yang boleh meyakinkan mahkamah. Hal ini selari dengan prinsip syariah yang menghendaki keterangan hendaklah dibuktikan hingga ke tahap yakin atau memadai ke tahap melampaui keraguan munasabah.

Melalui temu bual bersama peguam syarie, hakim syarie, pendakwa syarie dan pegawai penguatkuasa agama di Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Selangor, Perak, Terengganu dan Sarawak menyatakan faktor rantain keterangan dan rantain jagaan adalah amat penting dalam mempertimbangkan kebolehterimaan keterangan sebagai asas penghakiman (Nurhairin 2018; Azmi 2018; Syafiq 2018; Aishah 2018; Hidhir 2018; Yusida 2018; Nizam 2018; Radzi 2018; Zulfikri 2018). Kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik bukan sahaja bergantung kepada keaslian sesuatu dokumen tapi turut bergantung kepada kandungan dokumen itu, iaitu sejauh mana ia menyokong dan membuktikan kewujudan sesuatu fakta isu dan fakta relevan dalam sesuatu kes. Kegagalan dalam menjaga rantain jagaan dan rantain keterangan ini boleh menyebabkan dokumen elektronik yang dikemukakan di mahkamah dipertikaikan kesahihan dan kewujudan kandungannya.

Ini dapat dilihat dalam kes *Pendakwa Syarie Selangor Iwn Mohd Kamil Zuhairi Bin Abdul Aziz dan Mohamed Mohsen Bin Radmard*, kes jenayah syariah no: 10002-136-0015-2011 dan 10002-136-0016-2011. Isu rantain jagaan dan rantain keterangan telah disentuh dalam alasan penghakiman hakim. Kes ini merupakan kes ajaran sesat. Pihak pendakwaan mengemukakan ekshibit-ekshibit yang merupakan gambar elektronik yang diambil oleh saksi (pegawai penguatkuasa agama) melalui kamera elektronik. Kemudian ia dimuat naik ke dalam cakera padat. Pihak pembelaan membantah ekshibit-ekshibit tersebut atas alasan memori kad yang menyimpan gambar-gambar tersebut tidak ditunjukkan ke mahkamah. Mahkamah menolak bantahan tersebut dan telah menerima masuk sebagai keterangan kerana gambar-gambar tersebut telah diperkenalkan kepada mahkamah melalui saksi yang merupakan orang yang bertanggungjawab mengambil gambar-gambar tersebut. Saksi juga mengesahkan, secara bersumpah, bahawa kamera dan komputer riba yang digunakan untuk memindahkan gambar-gambar tersebut berfungsi dengan baik dan di bawah seliaannya. Mahkamah dalam kes ini menerima keterangan dokumen elektronik yang berjaya menunjukkan rantain jagaan yang jelas.

Oleh itu, dalam membuktikan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di mahkamah, pihak-pihak hendaklah mengemukakan keterangan dokumen elektronik yang relevan dengan fakta persoalan dan fakta relevan berkaitan keterangan dokumen tersebut. Pihak-pihak juga perlulah mengemukakan keterangan yang menyokongnya sama ada dalam bentuk saksi atau dokumen. Kekuatan suatu *qarīnah* itu dinilai dengan mengambil kira sama ada ia saling sokong menyokong serta



mengukuhkan antara satu sama lain atau dengan keterangan yang lain (Azam 2012). Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah memperuntukkan bahawa *Qarīnah* merupakan fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi. Untuk itu, keterangan dokumen elektronik juga turut boleh dianggap sebagai *qarīnah* kerana ia juga menjadi petanda kepada pensabitan sesuatu kes. Oleh demikian suatu *qarīnah* hanya menjadi kukuh setelah dilihat serta dinilai secara keseluruhannya (Zubaidah 2016). Jika ini berlaku, keterangan *qarīnah* tersebut mempunyai nilai kebolehterimaan yang tinggi.

Proses Pengeledahan Dan Penyitaan

Proses siasatan adalah satu proses menyelidiki, memeriksa atau mencari keterangan berkaitan dengan sesuatu maklumat atau aduan yang telah dibuat terhadap sesuatu perkara yang belum jelas kebenarannya (Zubaidah 2016). Proses siasatan dalam kes jenayah syariah melibatkan proses pengeledahan, penyitaan dan penyimpanan. Proses-proses tersebut mempunyai prosedur yang perlu dipatuhi bagi memastikan dokumen yang dikumpul diterima sebagai keterangan di mahkamah. Kegagalan mematuhi prosedur tersebut boleh menyebabkan kedudukan kes menjadi lemah atau gagal dibuktikan. Dalam menganalisis pernyataan masalah serta dapatan penulisan berkaitan proses pengeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik pada peringkat siasatan, penulis akan mengenalpasti serta menganalisis peruntukan undang-undang berkaitan pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes jenayah syariah di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 serta Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007. Arahan ini telah digubal dan dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam pada tahun 2007. Arahan ini telah digunapakai di seluruh negara bagi membantu pegawai penguatkuasa agama menjalankan tugas siasatan. Manakala Piawaian Prosedur Operasi (Negeri Johor) diguna pakai oleh pegawai penguatkuasa agama di negeri Johor bagi membantu menjalankan tugas siasatan. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menyiasat perlu mendapatkan keterangan dokumen elektronik yang relevan untuk mengaitkan tertuduh dengan suatu kesalahan yang disyaki dilakukan olehnya. Maka, dalam usaha mencari keterangan dokumen elektronik berkenaan, proses pengeledahan ke tempat siasatan dan pemeriksaan ke atas tubuh badan orang perlu dijalankan.

Semasa dalam siasatan, mahkamah boleh mengeluarkan waran geledah untuk mengarahkan pengeledahan dijalankan. Seksyen 44 (1) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menjelaskan mahkamah boleh mengeluarkan waran geledah memerintahkan pengeledahan dijalankan di tempat yang ditetapkan dalam waran geledah sekiranya:

- (a) mana-mana Mahkamah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang yang kepadanya saman di bawah seksyen 42 telah atau mungkin ditujukan tidak akan atau mungkin tidak akan mengemukakan harta atau dokumen yang dikehendaki;



- (b) harta atau dokumen itu tidak diketahui oleh Mahkamah berada dalam milikan mana-mana orang;
- (c) Mahkamah berpendapat bahawa maksud keadilan atau maksud mana-mana siasatan, perbicaraan atau prosiding lain di bawah Enakmen ini akan tercapai melalui suatu pengeledahan atau pemeriksaan am; atau
- (d) Mahkamah, atas maklumat dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di mana-mana tempat.

Pada masa yang sama, pegawai penguatkuasa agama boleh melakukan pengeledahan di tempat siasatan di mana-mana tempat untuk mendapatkan bahan bukti (keterangan dokumen elektronik) sesuatu kes tanpa perlu memohon waran geledah. Situasi ini dijelaskan dalam seksyen 63 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 seperti berikut:

(1) Bilamana seseorang Pegawai penguatkuasa agama yang membuat sesuatu penyiasatan berpendapat bahawa pengemukaan apa-apa dokumen atau benda lain adalah perlu bagi penjalanan sesuatu penyiasatan mengenai apa-apa kesalahan yang dia diberi kuasa menyiasatnya dan ada sebab untuk mempercayai bahawa—

(a) orang yang kepadanya suatu saman atau perintah di bawah seksyen 42 telah atau mungkin akan dikeluarkan tidak akan atau mungkin tidak akan mengemukakan dokumen atau benda lain itu sebagaimana yang diarahkan dalam saman atau perintah itu; atau

(b) dokumen atau benda lain itu tidak diketahui berada dalam milikan mana-mana orang,

maka pegawai itu boleh menggeledah atau menyebabkan penggeledahan dibuat untuk mencari dokumen atau benda lain itu di mana-mana tempat.

(2) Pegawai itu hendaklah, jika praktik, menjalankan penggeledahan itu sendiri.

(3) Jika dia tidak dapat menjalankan penggeledahan itu sendiri dan tiada orang lain yang kompeten untuk membuat penggeledahan itu hadir pada waktu itu, dia boleh mengarahkan mana-mana pegawai bawahannya membuat penggeledahan itu, dan dia hendaklah menyerahkan kepada pegawai bawahan itu suatu perintah bertulis yang menyatakan dokumen atau benda lain yang dicari itu dan tempat yang hendak digeledah itu, dan pegawai bawahan itu boleh sesudah itu menggeledah untuk mendapatkan benda itu di tempat itu.

(4) Peruntukan Enakmen ini tentang waran geledah hendaklah, setakat yang boleh, terpakai bagi penggeledahan yang dibuat di bawah seksyen ini.



Seksyen 44 (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan kebiasaannya perintah geledah tersebut diarahkan kepada Ketua Pegawai penguatkuasa agama dan pegawai penguatkuasa agama. Walau bagaimanapun, sekiranya waran geledah dikeluarkan kepada Ketua Polis Negara dan pegawai polis yang lain, penggeledahan boleh dijalankan di mana-mana tempat dalam negara.

Selain itu, semasa penggeledahan yang diarahkan menurut waran dijalankan di tempat kejadian, keterangan dokumen elektronik yang dipercayai jenis yang boleh disembunyikan pada tubuh badan orang, pemeriksaan ke atas tubuh badan mana-mana orang yang ditahan di tempat kejadian perlu memperolehi keizinan terlebih dahulu. Keizinan untuk membuat pemeriksaan tersebut diperuntukkan dalam Seksyen 12 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang menjelaskan sekiranya dokumen tersebut dipercayai jenis yang boleh disembunyikan pada tubuh badan mana-mana orang yang berada dalam tempat siasatan, pegawai penguatkuasa agama dan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh memeriksa mereka untuk mencari dokumen berkenaan atau pemeriksaan tubuh badan tersebut boleh dibuat di hadapan mereka.

Dalam penyiasatan kes jenayah syariah sama ada peringkat pra perbicaraan atau perbicaraan, penggeledahan turut boleh dijalankan sekiranya suatu keterangan dokumen elektronik dipercayai perlu didapatkan untuk membantu siasatan sesuatu kesalahan. Dalam hal ini, hakim boleh mengeluarkan waran geledah untuk mencari keterangan dokumen elektronik tersebut. Seksyen 46 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menyebut hakim boleh mengeluarkan waran geledah untuk mencari keterangan berkaitan dengan suatu kesalahan. Mana-mana orang yang diarahkan menurut waran untuk menggeledah mencari keterangan atau bahan bukti tersebut, boleh memasuki tempat yang dipercayai adanya keterangan atau bahan bukti berkenaan.

Prosedur penyitaan adalah proses membenarkan pegawai penguatkuasa agama menyita dokumen berkaitan sesuatu kesalahan semasa peringkat siasatan. Penyitaan barang kes dibuat bertujuan menjalankan siasatan terperinci. Ianya penting dalam memastikan keterangan dokumen serta keterangan dokumen elektronik tidak tercemar. Ianya disimpan dalam bilik simpanan khas (Akmal 2018; Radzi 2018; Hairin 2018). Oleh itu, selepas penggeledahan dijalankan di mana-mana tempat siasatan, apa-apa keterangan dokumen elektronik yang dipercayai mempunyai kaitan dengan sesuatu kesalahan dijumpai, akan disita. Penyitaan ini dibuat selari dengan kehendak seksyen 52 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang menjelaskan bahawa sekiranya ditemui barang bukti sesuatu kes semasa menjalankan penggeledahan di tempat kejadian atau premis, barang bukti tersebut hendaklah disita. Bukti atau keterangan yang dijumpai semasa penggeledahan dijalankan menurut waran yang dikeluarkan oleh hakim semasa dalam mana-mana peringkat siasatan turut boleh disita. Hal ini disebut dalam seksyen 46 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang menjelaskan sekiranya keterangan atau bahan bukti dijumpai semasa menjalankan penggeledahan di bawah seksyen ini, keterangan



atau bahan bukti tersebut perlu disita dan dibawa ke hadapan hakim untuk tindakan selanjutnya.

Proses-proses ini perlu dibuat dengan berhati-hati serta mematuhi prosedur-prosedur tertentu agar dokumen elektronik yang dirampas ini dapat dikemukakan sebagai keterangan untuk dijadikan sebagai asas penghakiman kes. Proses tersebut juga turut perlu dikaitkan dengan jelas dengan prinsip *qarīnah* agar dapat menyokong peringkat pendakwaan kelak dan seterusnya mengelakkan penghakiman kes yang tidak tepat dibuat.

Analisis Permasalahan Proses Penggeledahan Dan Penyitaan

Perincian proses penggeledahan diperuntukkan dalam Arahan Tetap Jabatan Pengarah 2007. Berdasarkan temu bual bersama pegawai penguatkuasa agama, pendakwa syarie dan hakim syarie di negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Johor, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu berkaitan proses penggeledahan yang membabitkan keterangan dokumen elektronik dalam kes jenayah syariah, informan menyatakan tiada prosedur khusus berkaitan penggeledahan keterangan dokumen elektronik (Akmal 2018; Radzi 2018; Nurhairin 2018; Nizam 2018; Zulfikri 2018; Helmi 2018; Rohaizad 2018; Aishah 2018; Hidhir 2018; Yusida 2018; Lutfi 2018). Perkara ini juga dapat dilihat dalam peruntukan undang-undang dan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007, tidak ada perincian khusus berkaitan proses penggeledahan pada peringkat awal, iaitu sebelum dan semasa penggeledahan dilakukan di tempat kejadian. Ketidadaan prosedur khusus ini menyebabkan arahan berkaitan pengurusan peralatan serta pengagihan tugas kepada pegawai penguatkuasa agama sebelum dan semasa melakukan penggeledahan keterangan dokumen elektronik adalah tidak jelas.

Melalui temu bual bersama, Pegawai Penyiasat, Jabatan Agama Islam Selangor dan, Penolong Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, masing-masing informan menjelaskan mereka mengikuti Kursus Pembuktian Digital Forensik pada 5 Mac 2018 di Bangunan Sultan Idris Shah dan Kursus Kemahiran Siasatan pada 27-28 Februari 2018 di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor serta Latihan Operasi Bersepadu "Ops Siber" anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menangani laman web berunsur syiah dan Perancangan Kursus Penyiasatan Jenayah Syariah Siber Dan Multimedia (Akmal 2018). Sungguhpun para pegawai penguatkuasa agama telah menjalani kursus penggeledahan anjuran Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia berkaitan keterangan dokumen elektronik, ia masih lagi belum mencukupi dan menampung kelompangan ini (Akmal 2018). Ini kerana wujud kekeliruan berkaitan pengurusan peralatan serta pengagihan tugas sebelum dan semasa proses penggeledahan keterangan dokumen elektronik.

Situasi ini terjadi kerana pengaplikasian prosedur operasi standard berkaitan penggeledahan keterangan dokumen elektronik berdasarkan peruntukan undang-undang, Arahan dan kursus latihan yang diikuti pegawai penguatkuasa agama ini



terdedah kepada pentafsiran peribadi pegawai penguatkuasa agama yang menjalankan penggeledahan sekiranya ia tidak diperincikan dengan jelas dalam peruntukan undang-undang serta garis panduan tersebut. Sekiranya ini berlaku akan menyebabkan proses penggeledahan tersebut dilakukan mengikut fahaman pegawai itu sendiri serta membuka ruang kepada kesilapan pengumpulan keterangan.

Ringkasnya, penulis mendapati proses berkaitan pengurusan peralatan serta pengagihan tugas kepada pegawai penguatkuasa agama sebelum dan semasa melakukan penggeledahan untuk mengumpul keterangan dokumen elektronik adalah tidak jelas di bawah peruntukan undang-undang dan Arahan terbabit. Ini kerana peruntukan undang-undang dan Arahan berkaitan penggeledahan tidak mengaitkan dengan jelas berdasarkan prinsip syariah berkaitan kerelevanan, nilai probatif, nilai kororatif, rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan yang menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik. Peruntukan undang-undang dan Arahan tersebut memperuntukkan berkaitan proses yang perlu dilakukan oleh pegawai penguatkuasa agama semasa berada di tempat kejadian. Walau bagaimanapun proses penggeledahan tersebut masih lagi belum cukup jelas berdasarkan prinsip syariah terbabit, terutamanya berkaitan dengan rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan. Jika situasi ini dibiarkan, prosedur operasi standard yang sedia ada ini tidak mampu membantu pegawai penguatkuasa agama melaksanakan arahan dengan tepat dan baik serta seterusnya gagal memastikan rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan dipelihara dengan baik untuk menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik.

KESIMPULAN

Penulis mendapati bahawa proses penggeledahan keterangan dokumen elektronik dalam kes jenayah syariah adalah tidak jelas. Hal ini demikian kerana proses penggeledahan keterangan dokumen elektronik di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah serta Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 tidak dikaitkan dengan jelas berdasarkan prinsip syariah berkaitan rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan untuk menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik

Penulis mencadangkan pindaan ke atas seksyen 63 Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah dengan memasukkan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh pegawai penguatkuasa agama semasa melakukan penggeledahan di tempat kejadian seperti pengurusan peralatan yang digunakan dalam mengumpul keterangan dokumen elektronik, pengagihan tugas kepada pegawai penguatkuasa agama serta tindakan awal yang perlu diambil oleh pegawai penguatkuasa agama di tempat kejadian.

Penulis mencadangkan pindaan ke atas seksyen 52 Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah dengan memasukkan perkara-perkara yang perlu pegawai penguatkuasa agama pastikan semasa penyiasatan seperti penandaan barang kes, penggunaan borang dan plastik sil yang khusus, lakaran tempat kejadian dan barang



kes, rakaman, fotografi, perekodan dan arahan penjagaan barang kes dengan tempat kejadian.

Penulisan ini turut mencadangkan garis panduan baharu iaitu berkaitan tatacara pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam Arahan Tetap Jabatan Pengarah 2007. Untuk tujuan tersebut, penulis mencadangkan prosedur operasi standard berkaitan pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam peringkat siasatan kes jenayah syariah. Prosedur operasi standard ini adalah berdasarkan prinsip syariah berkaitan rantaian keterangan dan rantaian keterangan yang menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik. Dalam masa yang sama, untuk memperkukuhkan lagi cadangan di atas, kajian semula berkaitan bagaimana menilai rantaian jagaan dan rantaian keterangan perlu dilaksanakan.

Penulis berharap agar cadangan pindaan yang dikemukakan dapat membantu memperkemas proses penggeledahan dan penyitaan keterangan dokumen elektronik pada peringkat perbicaraan dan menyokong kebolehterimaannya dalam kes-kes syariah yang boleh dijadikan sebagai asas penghakiman sesuatu kes.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Geran Galakan Penyelidik Muda (UKM) (GGPM-2021-042) kerana membantu membiayai penerbitan kajian ini.

RUJUKAN

Ahmad Azam Mohd Shariff. 2012. *Prosedur Siasatan dan Pendakwaan Jenayah Syariah: Lakuna dalam Peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia*, Tesis Dr Falsafah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Nizam bin Amiruddin, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama, Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, Jabatan Agama Islam Perak, di Ipoh, Perak, 7 Mac 2018.

Aishah binti Ithnin, Penolong Pegawai Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Melaka, di Melaka, 1 Mac 2018.

Al-Quran dan Terjemahan. 2012. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Darul Iman.

Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam (Arahan Pegawai penguatkuasa agama) 2007.

Azmi bin Aziz, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Jempol, Negeri Sembilan, di Jempol, Negeri Sembilan, 12 April 2018.



Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Lihat juga Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 dan Ordinan Tatacara Jenayah Syariah, 2001.

Kes jenayah syariah no: 10002-136-0015-2011 dan 10002-136-0016-2011 dalam Mahkamah Syariah Gombak Barat, Selangor.

Mohd Hidhir bin Hamidon, Ketua Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Melaka, di Melaka, 1 Mac 2018.

Mohd Lutfi bin Ahmad Khuzaini, Pegawai Syariah LS 41, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, di Lebuh Pantai, Pulau Pinang, 23 Mac 2018.

Mohd Radzi bin Sulaiman, Penolong Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, di Johor Bahru, Johor, 2 Mei 2018.

Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018.

Nur Hairin bin Khamis, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan, 28 Februari 2018.

Piawaian Prosedur Operasi (bahagian Penguatkuasaan Negeri Johor) 2016.

Rohaizad bin Redzuan, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Pendakwaan Syariah, Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan, 26 Februari 2018.

Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Wan Mohamad Helmi bin Masran, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau, Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan, 2 Mac 2018.

Yusida binti Yusof, Ketua Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Melaka, di Melaka, 1 Mac 2018.

Zulfikri bin Yasoa', Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, di Shah Alam, Selangor, 27 Mac 2018.